



UNIMAS, PTPTN jalin kerjasama budayakan agenda penabungan

Oleh [Ilah Hafiz Aziz](#) - Mei 24, 2023 @ 7:35pm
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



Ahmad Dasuki (dua dari kiri) bertukar dokumen MoU dengan Mohamad Kadim di Rumah Universiti UNIMAS, hari ini.

KUALA LUMPUR: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk membudayakan agenda penabungan dalam kalangan pelajar, melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN).

MoU itu dimeterai oleh Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, di Rumah Universiti, UNIMAS.

Dalam kenyataan bersama, PTPTN dan UNIMAS menerusi MoU itu, bersetuju memastikan pembudayaan penabungan melalui Simpan SSPN, meningkatkan kefahaman dan kesedaran pelajar tentang bayaran balik pinjaman serta memperkasakan penyelidikan dan pembangunan untuk memasarkan produk Simpan SSPN.

"PTPTN dan UNIMAS juga bersetuju bekerjasama merangkumi pelbagai skop antaranya, mengadakan pelbagai program pembudayaan penabungan (Simpan SSPN); penyaluran biasiswa atau bantuan kewangan pelajar yang disediakan UNIMAS melalui akaun Simpan SSPN Prime.

"Jaringan kerjasama di dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) antara UNIMAS dan PTPTN; dan peluang mengadakan program Job Matching yang akan memberi manfaat buat graduan UNIMAS," katanya, di sini hari ini.

Katanya, selaras dengan tujuan 'Community-Driven University', UNIMAS berupaya menjadi kampus contoh budaya penabungan bijak dengan pelbagai program penyampaian informasi oleh PTPTN, yang dijangka dapat memberi manfaat buat komuniti pelajar universiti yang berjumlah hampir 16,500 orang.

"UNIMAS yang diwakili oleh Pusat Khidmat Pelajar, HEPA merupakan sebuah universiti di Malaysia yang sentiasa berusaha meningkatkan dan menguatkan program pembelajarannya dan mengambil banyak inisiatif dalam melengkapkan kecemerlangan pendidikannya.

"Dengan kemudahan penyelidikan dan pembelajaran, pengalaman, dan kumpulan pakar pelbagai bidang di kalangan kakitangannya, UNIMAS melaksanakan banyak kerjasama kolaboratif dengan pelbagai pihak dalam usahanya untuk meningkatkan pengisian penyelidikan dan mengukuhkan jaringan industrinya.

"Diharap dengan kerjasama ini dapat memberikan impak positif kepada PTPTN dan UNIMAS dalam memastikan para pelajar lebih cakna dan berpengetahuan mengenai perancangan kewangan melalui Simpan SSPN," katanya.